

28 JUL 1996
Dialog-Bijak (Previu)
BERURUS NIAGA SECARA "PERKONGSIAN BIJAK"

Oleh: Azman Ujang

LANGKAWI, 28 Julai (Bernama) -- Perkataan "bijak" akan sering disebut di Langkawi dalam masa tiga hari ini semasa beberapa orang ketua kerajaan, pemimpin korporat dan menteri kanan bertemu dalam satu dialog tidak rasmi untuk merumuskan apa yang dipanggil arus perniagaan baru untuk masa depan -- Perkongsian Bijak.

Peraturan berpakaian di mesyuarat ini di sebuah hotel terkemuka di sini juga bersifat "smart (bijak)" - pakaian biasa yang sesuai dan selesa dengan keadaan, dan ini boleh ditakrifkan sebagai bijak.

"Pakaian rasmi biasa seperti berkot atau jaket diharamkan, peserta boleh memakai sliper, tanpa sarung kaki dan berbaju tangan pendek," kata pengerusi penganjur, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman kepada wartawan dalam satu taklimat petang ini.

Dialog Antarabangsa Langkawi, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam esok, dianjurkan bersama oleh Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT), Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) yang berpangkalan di London, dan Yayasan Komanwel untuk Pengurusan Teknologi (CFTM) berpejabat di Kuala Lumpur.

Dr Omar, yang juga pengerusi CPTM dan pengerusi bersama MIGHT, berkata 250 peserta telah mengesahkan kehadiran mereka, iaitu lebih 100 dari bilangan di dialog pertama tahun lepas.

Rantau Selatan Afrika nampaknya mengemukakan penyertaan peringkat tinggi dengan kehadiran Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, Presiden Sir Ketumile Masire dari Botswana dan Presiden Namibia Dr Sam Nujoma.

Perkongsian bijak, yang bermakna memupuk perhubungan perniagaan untuk mencapai kejayaan bagi semua pihak terlibat dalam jangka masa panjang, adalah satu konsep baru mengurus niaga yang dimulakan di Malaysia pada tahun 1993 berikutan satu dialog antara MIGHT dan CPTM.

Dr Omar berkata dialog itu adalah usaha sektor swasta untuk menjodohkan individu, industri dan kerajaan untuk meningkatkan perdagangan, pelaburan dan penyelidikan yang berguna dan berfaedah bersama.

"Ianya bertujuan memberi penilaian kepada perubahan aspirasi negara-negara dalam suasana perubahan senario perniagaan dunia," kata beliau.

Dr Omar, yang juga Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Malaysia, memberi satu contoh Perkongsian Bijak -- negara-negara yang membeli kotak hitam atau perakam penerbangan pesawat sekarang tidak lagi hanya berpuas hati diberitahu cara-cara menghidup dan mematikannya. Mereka juga mahu tahu bagaimana menjaga, menyenggara atau mengubahsuaikannya.

Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli merupakan pengamal Perkongsian Bijak terulung di Malaysia.

Pada bulan Januari tahun ini, beliau membuat urusan dengan syarikat Rolls-Royce dari United Kingdom di mana MAS, yang akan membeli enjin Rolls-Royce untuk 15 pesawat Boeing 777, akan juga mendapat kepakaran dan teknologinya.

Rolls-Royce pula, akan membangunkan pasaran enjin dan meluaskan perkongsian perniagaannya di Malaysia.

Dan Tajudin akan memperkukuhkan lagi hubungan bijaknya ini dengan pengerusi Rolls-Royce, Sir Ralph Robins dalam masa tiga hari ini apabila mereka berdua akan menjadi pengerusi bersama dialog.

Dr Omar berkata satu daripada unsur perkongsian bijak yang menonjol

ialah falsafah Dr Mahathir - Makmurkan Jiran Kamu - yang bermakna tidak ada gunanya sesuatu negara mendapat kemakmuran sekiranya jirannya tidak mendapat kenikmatan yang sama. Ia seperti juga tidak ada gunanya sesuatu negara itu stabil sekiranya jirannya tidak.

Dr Mahathir, dalam perutusannya dalam buku aturcara cenderamata dialog itu berkata falsafah "makmurkan jiran kamu" adalah satu perubahan yang dialu-alukan dalam suasana persaingan etos perniagaan anjuran pakar ekonomi negara-negara maju.

"Kita bimbang dengan semangat persaingan secara begini, di mana yang kuat berkuasa dan mereka yang lemah disingkir. Ianya mengancam keharmonian dan kestabilan dunia dengan menyebabkan persengketaan perdagangan dan dasar perlindungan."

"Masanya telah tiba untuk menggalakkan perkongsian bijak memandangkan kepada komunikasi moden yang memberi kemudahan kepada pengkalan data maklumat dan pertukaran maklumat," kata Perdana Menteri yang tiba di sini petang tadi. -- BERNAMA

AU WAT OBA